

Bank Islam untung RM158.1 juta

Kosmo 09/05/2010 M/S 54

KUALA LUMPUR – Bank Islam Malaysia Bhd. (Bank Islam) mencatat keuntungan sebelum zakat dan cukai sebanyak RM158.1 juta bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Disember 2009.

Pengarah Urusannya, Datuk Seri Zukri Samat berkata, keuntungan itu merupakan peningkatan sebanyak 51 peratus berbanding tempoh yang sama tahun 2008 dan disumbangkan menerusi pertumbuhan kewangan bersih sebanyak 8.2 peratus.

Menurutnya, jumlah pendapatan turut meningkat sebanyak RM58.9 juta kepada RM684.5 juta dalam tempoh sama berbanding tahun sebelumnya manakala pendapatan bukan berasaskan dana pula bertambah kepada RM85.7 juta yang mana ia merupakan



ZUKRI SAMAT

pertumbuhan sebanyak 36 peratus berbanding tahun sebelumnya.

“Pemulihan sederhana kea-

daan perniagaan di dalam tempoh yang dikaji itu dan pendekatan yang lebih agresif untuk mengembangkan perniagaan telah membantu menghasilkan pertumbuhan perolehan yang menyeluruh,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Menurut beliau, deposit pelanggan, tidak termasuk Sijil Hutang Islam Boleh Runding juga meningkat RM1 bilion kepada RM19.1 bilion.

Zukri berkata, pulangan ekuiti kekal pada kadar 16.4 peratus ekoran peningkatan ekuiti menerusi suntikan sebanyak RM540 juta dalam Saham Keutamaan Bukan Kumulatif Boleh Tebus Boleh Tukar (ICRNCPS).

Selain itu, jelasnya, pulangan aset meningkat kepada 1.2 peratus daripada 0.9 peratus ma-

nakala nisbah kadar pembiayaan tak berbayar (NPF) kekal pada 4.9 peratus berbanding 6.7 peratus pada Jun 2009.

“Hasil memberangsangkan ini didorong oleh impak positif Pelan Pertumbuhan Mapan (SGP) yang dilancarkan pada bulan Jun lalu,” jelasnya.

SGP ialah satu rangka pelan korporat yang direka bentuk untuk menggerakkan bank itu ke tahap pertumbuhan yang tinggi bagi mencapai kecemerlangan operasi dan menghasilkan keuntungan mapan.

Ia mengandungi enam asas iaitu inovasi perniagaan, pengurusan risiko kukuh, mengukuhkan struktur, membangunkan keupayaan dan kapasiti, pembangunan francais serta pertumbuhan organik dan peluasan korporat.